

25/09/1998

Umno tolak ahli pentingkan diri sendiri

KUANTAN, Khamis - Anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Hasan Arifin, berkata perjuangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berkepentingan peribadi dan memperalatkan agama, terbukti tidak kesampaian untuk ke peringkat tertinggi.

Oleh itu, beliau berkata sesiapa saja yang menyertai Umno untuk kepentingan diri sendiri serta memperalatkan agama sebagai model harus menyedari bahawa perjuangan mereka tidak akan bertahan lama, malah terus kecundang.

Beliau berkata, Umno adalah sebuah parti yang berjuang berlandaskan agama, bangsa dan negara.

"Itulah sebenarnya dasar perjuangan Umno. Jadi peristiwa pemecatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden parti adalah satu rahmat.

"Tidak keterlaluan jika kita anggap apa yang berlaku adalah satu perlindungan daripada Allah," katanya kepada pemberita selepas mewakili Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, merasmikan Pusat Penerangan dan Santuari Penyui di Chendor, dekat sini hari ini.

Hasan yang juga Timbalan Menteri Besar, berkata pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai salah laku Anwar harus dilihat sebagai ikhlas demi kepentingan agama, politik, negara dan perjuangan Umno.

"Melalui kenyataan bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar semalam, diharap dapat membantu rakyat memahami keadaan sebenar sekiranya ada berlaku kekeliruan di kalangan mereka.

"Di Pahang, kita menyeru supaya pemimpin Umno menerima dengan terbuka mengenai perkara yang berlaku. Mereka harus memperjelaskan kepada ahli peringkat akar umbi secara terus terang supaya Umno lebih mantap dan stabil," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata Badan Perhubungan Umno Negeri juga tidak merestui perhimpunan reformasi yang dilakukan penyokong Anwar.

"Kita akan mengambil sesuatu langkah susulan jika ada ahli terbabit dengan kegiatan itu selepas polis mengenakan tindakan," katanya.

Sementara itu, Umno bahagian Maran akan mengambil tindakan tata tertib terhadap ahli Umno bahagian yang didapati terbabit dalam perhimpunan reformasi.

Ketuanya, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak, berkata pihaknya tidak ragu-ragu untuk memecat mereka daripada Umno kerana sudah tidak mempunyai kesetiaan terhadap parti.

(END)